



ID: 1 - 8

PENGGUNAAN BAHASA ROJAK: ISU DAN CABARAN DALAM MEMANTAPKAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN UNIMAS

^{**1} Wan Robiah Meor Osman, ² Wan Sofiah Meor Osman,³ Wan Adnawani Meor Osman,
⁴ Wan Ummi Kalsom Meor Osman⁴

Kata Kunci

Penggunaan Bahasa Rojak

Isu dan Cabaran

Kemahiran Komunikasi

Kolej Kediaman

Dalam arus kemodenan yang pesat dengan kemajuan infrastruktur dan teknologi maklumat yang tiada sempadan wujud fenomena berbahasa yang pelbagai. Generasi muda khususnya pelajar terdedah dengan variasi berbahasa terkini daripada medium yang rencam. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berperanan penting dalam melahirkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran dan berkeupayaan tinggi dalam bersaing pada peringkat lokal dan global. Kemahiran Insaniah yang disarankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) menerusi Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah dilihat sangat membantu mengembangkan potensi dan mengasah kemahiran pelajar di universiti khususnya. Kertas kerja ini bertujuan memerihalkan isu dan cabaran dalam pemantapan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar khususnya di kolej kediaman UNIMAS dengan memperlihatkan fenomena bahasa rojak yang menjadi salah satu trend berbahasa remaja. Oleh itu, kajian yang berbentuk deskriptif ini memanfaatkan kaedah temu bual yang melibatkan enam orang pelajar. Penelitian kajian dilihat berupaya menghasilkan data yang pelbagai dengan berfokuskan kepada percampuran kod yang menjadi kelaziman pertuturan dalam kalangan remaja khususnya pelajar universiti. Kertas kerja ini turut membincangkan implikasi kajian terhadap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar yang akan menempuh dunia pekerjaan serta bersaing dalam memenuhi kehendak pasaran nasional dan global.

^{**1} Wan Robiah Meor Osman, Universiti Malaysia Sarawak (H/P no.: 017-3505768; e-mel: mowrobiah@cls.unimas.my)

² Wan Sofiah Meor Osman, Universiti Malaysia Sarawak (e-mel: mowsofiah@fcs.unimas.my).

³ Wan Adnawani Meor Osman, Universiti Malaysia Terengganu (e-mel: adnawani@yahoo.com)

⁴ Wan Ummi Kalsom Meor Osman, Universiti Teknologi MARA (e-mel: wkalsom@hotmail.com)



PENGGUNAAN BAHASA ROJAK: ISU DAN CABARAN DALAM MEMANTAPKAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN UNIMAS

*¹ Wan Robiah Meor Osman, ² Wan Sofiah Meor Osman, ³ Wan Adnawani Meor Osman,
⁴ Wan Ummi Kalsom Meor Osman⁴

1. PENDAHULUAN

Era globalisasi yang tiada sempadan dengan perkembangan pesat ekonomi global serta kewujudan rangkaian organisasi memperlihatkan persaingan terhadap kehendak dan keperluan kemahiran insaniah (soft skills) dalam kalangan modal insan masa kini agar dapat bersaing, mempunyai wibawa dan berkebolehan dalam kelestarian kerjaya (Curtis, 2004; Kruss 2004; Van Loo & Toolsema, 2005). Majikan kini melihat kepada perekutan modal insan yang bukan sahaja bersifat fleksibel tetapi mempunyai kewibawaan dalam penyesuaian diri dengan kehendak pasaran kerja semasa dan mempunyai kemauhan yang tinggi dalam meningkatkan kemahiran serta pengetahuan menerusi pembelajaran yang berterusan (Andrew, 1997; Callan 2004). Oleh hal demikian, kolej kediaman dilihat menjadi salah satu sumber penghasilan modal insan yang diharapkan dalam memenuhi persaingan nasional dan global, di samping menjadi peneraju kecemerlangan dan warisan negara bangsa pada masa hadapan.

Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) pada tahun 2006 dirangka dengan pendekatan yang jelas dan bersepadan dalam membangunkan kemahiran insaniah pelajar. Terdapat tujuh teras kemahiran insaniah yang telah dikemukakan iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional dan kemahiran kepimpinan (KPTM, 2006).

2. KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN PENGGUNAAN BAHASA ROJAK

Kemahiran komunikasi merupakan salah satu teras dalam modul pembangunan kemahiran insaniah yang menjadi asas keperluan kepada graduan yang amat diperlukan pada masa kini. Komunikasi merujuk kepada penyampaian secara lisan (verbal) dan bukan lisan (nonverbal) (Champoux, 2006). Komunikasi bukan lisan tertumpu kepada perasaan dan emosi, walaupun demikian kedua-dua elemen komunikasi ini iaitu bukan lisan dan lisan boleh berlaku serentak dalam proses komunikasi yang menghasilkan makna. Menerusi penyaluran dan perkongsian makna daripada individu kepada individu lain, maka maklumat dan idea dapat disampaikan dengan berkesan (Nelson & Quick, 2006).

Bahasa rojak ialah fenomena berbahasa yang bercampur-campur antara dua atau lebih bahasa, dalam konteks kajian ini ditumpukan kepada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Meor Osman, 2008). Senario penggunaan bahasa rojak ini disebabkan masyarakat Malaysia khususnya merupakan masyarakat yang multibahasa. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat mempunyai pengetahuan sekurang-kurangnya dua bahasa iaitu